

17 NOV 2001

Chong-PBS

CHONG HARAP PARTI-PARTI KOMPONEN BN TERIMA KEMBALI PBS

KOTA KINABALU, 17 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini menyatakan harapan yang rakan-rakan dalam Barisan Nasional (BN) sama ada di peringkat negeri atau pusat akan bersetuju dengan permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula perikatan itu.

"Kita berharap apabila kita mengadakan mesyuarat BN pusat semua parti komponen sama ada di peringkat pusat atau negeri menyambut baik memasukkan semula PBS ke dalam BN," katanya.

Ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sejurus tiba dari ibu negara hari ini, Chong yang juga Pengerusi BN Sabah berkata beliau menjangka BN membincangkan permohonan PBS itu dalam sedikit masa lagi.

PBS yang meninggalkan BN 11 tahun lepas telah mengemukakan permohonan rasmi untuk kembali ke pangkuan BN.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan menyampaikan sendiri permohonan berkenaan kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, dua hari lepas.

Semalam Dr Mahathir berkata beliau menjangkakan keputusan mengenai permohonan PBS itu akan diketahui sebelum Hari Raya pada bulan depan.

Chong berkata keputusan PBS kembali kepada BN menunjukkan parti itu kini sedar perlunya untuk bersatu.

"Saya rasa kita semua sedar bahawa ada keperluan untuk mengetepikan fahaman politik dan menumpukan perhatian kepada usaha membangunkan Sabah," katanya.

Mengenai cadangan supaya parti-parti komponen BN yang berasaskan kaum Kadazandusun dan Murut mengadakan perbincangan perpaduan seperti yang disuarakan Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok, Chong berkata ia terpulang kepada parti-parti berkenaan.

Langkah itu akan pasti membantu meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat sekiranya semua pihak ikhlas dalam melaksanakannya, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

JS PR